



10 Oktober 2017  
10 October 2017  
P.U. (A) 308

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI LEMBAGA TABUNG  
ANGKATAN TENTERA  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) (PINDAAN) 2017

*LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA OFFICERS  
(CONDUCT AND DISCIPLINE) (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA TABUNG ANGKATAN TENTERA 1973

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 22A Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [*Akta 101*], Lembaga, dengan persetujuan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pegawai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2017**.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) 1996 [*P.U. (A) 352/1996*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

- (a) dengan menggantikan takrif "Ketua Bahagian" dengan takrif yang berikut:

‘ “Ketua Jabatan” ertinya pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sesuatu Jabatan;’

- (b) dalam takrif "Pegawai Kumpulan A", dengan menggantikan perkataan "21" dengan perkataan "27";
  - (c) dalam takrif "Pegawai Kumpulan B", dengan menggantikan perkataan "19" dengan perkataan "26"; dan
  - (d) dengan menggantikan takrif "Pengerusi" dengan takrif yang berikut:

‘ “Pengerusi Lembaga” ertinya Pengerusi Lembaga yang disebut dalam perenggan 4(3)(a) Akta;’.

#### **Pindaan peraturan 4**

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(a) bagi pegawai Kumpulan A—

- (i) Timbalan Pengerusi Lembaga sebagai Pengerusi;
- (ii) dua orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga;
- (iii) Ketua Eksekutif; dan
- (iv) Timbalan Ketua Eksekutif yang hendaklah menjadi Setiausaha; dan

(b) bagi pegawai Kumpulan B—

- (i) Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi;
- (ii) Timbalan Ketua Eksekutif; dan
- (iii) seorang pegawai gred 29 yang hendaklah menjadi Setiausaha.”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Dalam hal mana-mana orang yang diperihalkan dalam subperenggan 4(1)(a)(iv), 4(1)(b)(ii) dan (iii) tertakluk kepada tindakan tatatertib, pegawai lain

yang lebih kanan daripadanya atau mana-mana ahli Lembaga lain hendaklah dilantik oleh Pengerusi Lembaga untuk mengambil tempat orang yang tertakluk kepada tindakan tatatertib itu.”.

#### **Peraturan baru 10A**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 10 peraturan yang berikut:

“Gangguan seksual 10A. (1) Seseorang pegawai tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain, iaitu, seseorang pegawai tidak boleh—

(a) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual;

(b) meminta layanan seksual daripada orang lain; atau

(c) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual terhadap orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(c), “perbuatan yang bersifat seksual” ertinya—

(a) perbuatan membuat sesuatu pernyataan yang bersifat seksual

kepada, atau di hadapan, orang lain itu, sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain;

(b) perbuatan yang dibuat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat; dan

(c) perbuatan yang memburukkan atau mencemarkan nama Lembaga.”.

### **Pindaan am**

5. Peraturan 14, 17, 19, 20, 27, 28, 39, 43, 55 dan 56 dipinda dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagian” dengan perkataan “Ketua Jabatan” di mana-mana jua terdapat.

### **Pindaan peraturan 16**

6. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Buku Perkhidmatan” dengan “Rekod Perkhidmatan”;

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tatatertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;

(c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tatatertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;

(d) dalam subperaturan (4)—

(i) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tatatertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;

- (ii) dengan memotong perenggan (c); dan
  - (iii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tatatertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;
- (e) dalam superaturan (5)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tatatertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagian” dengan perkataan “Ketua Jabatan”; dan
  - (iii) dengan menggantikan perkataan “Buku Perkhidmatan” dengan perkataan “Rekod Perkhidmatan”; dan
- (f) dalam subperaturan (6), dengan menggantikan takrif “anak” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “anak” ertinya anak pegawai di bawah tanggungan pegawai, termasuklah—
- (a) anak yang lahir selepas kematian, anak tiri dan anak tak sah taraf pegawai itu;
  - (b) anak yang diambil sebagai anak angkat oleh pegawai itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan

keterangan yang memuaskan mengenai pengangkatan itu; dan

- (c) anak yang cacat otak atau hilang upaya fizikal dan kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri;’.

### **Pindaan peraturan 18**

7. Subperaturan 18(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “(3)” dengan perkataan “(1)”.

### **Pindaan peraturan 23**

8. Peraturan 23 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “akan harta persendiriannya” dengan perkataan “selain bagi maksud kebajikan.”.

### **Pindaan peraturan 26**

9. Peraturan 26 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (b);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
- “(d) apa-apa penerbitan lain yang diluluskan secara bertulis oleh Ketua Eksekutif bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.”.

### **Pindaan peraturan 27**

10. Subperaturan 27(6) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagiannya” dengan perkataan “Ketua Jabatannya”.

### **Pemotongan peraturan 29**

11. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipotong.

### **Bahagian baru IIIA**

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan sebelum peraturan 30 Bahagian yang berikut:

#### “BAHAGIAN IIIA KETIDAKHADIRAN TANPA CUTI

Ketidakhadiran tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran, dsb.

29A. (1) Seseorang pegawai yang tidak hadir bertugastanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah pada pandangan Ketua Jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(2) Jika pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah pada pandangan Ketua Jabatan, Ketua Jabatan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, melaporkan ketidakhadiran itu kepada pihak berkuasa tatatertib.

(3) Laporan mengenai ketidakhadiran yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah termasuk tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran dan apa-apa maklumat lain berkenaan dengan ketidakhadiran itu.

(4) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, apabila menerima laporan mengenai ketidakhadiran yang dibuat oleh Ketua Jabatan di bawah subperaturan (2), mempertimbangkan laporan itu.

(5) Pihak berkuasa tatatertib boleh, selepas mempertimbangkan laporan yang dibuat di bawah subperaturan (2), memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu.

(6) Bagi maksud Bahagian ini, “tidak hadir”, berhubung dengan seseorang pegawai, termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa, pada masa dan di tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugasnya.

Kehilangan gaji dan emolumen disebabkan oleh ketidakhadiran tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran, dsb.

29B. (1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah pada pandangan Ketua Jabatan, pegawai itu tidak berhak kepada apa-apa gaji atau emolumen bagi tempoh ketidakhadirannya untuk bertugas.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), perakuan oleh Ketua Jabatan mengenai tempoh yang pegawai itu tidak berhak kepada gaji dan emolumen di bawah subperaturan (1) kepada pihak berkuasa tatatertib yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji dan emolumen lain pegawai itu merupakan kuasa yang mencukupi untuk memotong gaji dan emolumen bagi tempoh ketidakhadiran pegawai itu untuk bertugas.

Ketidakhadiran tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran, dsb., bagi tujuh hari berturut-turut dan tidak dapat dikesan

29c. (1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah pada pandangan Ketua Jabatan, bagi tujuh hari berturut-turut dan tidak dapat dikesan, Ketua Jabatan hendaklah menyebabkan suatu surat diserahkan kepada pegawai itu sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar Akuan Terima kepada pegawai itu di alamat terakhirnya yang diketahui, mengarahkan pegawai itu supaya segera melaporkan diri untuk bertugas.

(2) Jika selepas surat yang disebut dalam subperaturan (1) itu diserahkan—

(a) pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas;  
atau

(b) pegawai itu tidak melaporkan diri untuk bertugas atau dia masih tidak dapat dikesan,

Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada pihak berkuasa tatatertib dan pihak berkuasa tatatertib hendaklah memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu.

(3) Jika surat yang disebut dalam subperaturan (1) tidak dapat diserahkan kepada pegawai itu sendiri disebabkan oleh pegawai itu tidak lagi tinggal di alamat terakhirnya yang diketahui atau jika surat pos berdaftar Akuan Terima telah dikembalikan tidak terserah, Ketua Jabatan hendaklah melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa tatatertib.

(4) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, apabila menerima laporan yang disebut dalam subperaturan (3),

mengambil langkah untuk menyiarkan suatu notis—

(a) mengenai hakikat bahawa pegawai itu telah tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan; dan

(b) menghendaki pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas dalam masa tujuh hari dari tarikh penyiaran notis itu.

(5) Notis yang disebut dalam subperaturan (4) hendaklah disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian—

(a) yang diterbitkan dalam bahasa kebangsaan; dan

(b) yang diedarkan di seluruh negara,

sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib itu.

(6) Jika pegawai itu melaporkan diri untuk bertugas dalam masa tujuh hari dari tarikh penyiaran notis yang disebut dalam subperaturan (4), Ketua Jabatan hendaklah melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa tatatertib dan pihak berkuasa tatatertib hendaklah memulakan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu.

(7) Jika pegawai itu tidak melaporkan diri untuk bertugas dalam masa tujuh hari dari tarikh penyiaran notis yang disebut dalam subperaturan (4), Ketua Jabatan hendaklah melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa tatatertib dan

pegawai itu hendaklah disifatkan telah dibuang kerja daripada perkhidmatan berkuat kuasa mulai tarikh dia tidak hadir bertugas.

(8) Pembuangan kerja seseorang pegawai menurut subperaturan (7) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pelucuthakan emolumen disebabkan oleh ketidakhadiran tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran, dsb., bagi tujuh hari berturut-turut dan tidak dapat dikesan

29D. (1) Jika seseorang pegawai telah didapati bersalah kerana tidak hadir untuk bertugas tanpa cuti, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah pada pandangan Ketua Jabatan bagi tujuh hari berturut-turut dan tidak dapat dikesan, pegawai itu tidak berhak kepada apa-apa emolumen bagi tempoh ketidakhadirannya dan segala emolumen sedemikian hendaklah disifatkan telah terlucut hak walaupun pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan tidak mengarahkan pelucuthakan itu.

(2) Seseorang pegawai yang emolumennya telah terlucut hak di bawah subperaturan (1) hendaklah dimaklumkan secara bertulis mengenai pelucuthakan itu.

(3) Pelucuthakan emolumen menurut subperaturan (1) bukanlah suatu hukuman tatatertib.”

### **Pindaan peraturan 31**

13. Peraturan 31 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (2)(d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai, apa-apa perintah tahanan, pengawasan atau deportasi, atau jika telah dikenakan ke atas pegawai itu, apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang yang

berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian Persekutuan, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis.”.

### **Pindaan peraturan 33**

14. Peraturan 33 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan “tidak kurang daripada”; dan
- (b) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “45” dengan perkataan “44”.

### **Pindaan peraturan 34**

15. Peraturan 34 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan “tidak kurang daripada”; dan
- (b) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagian” dengan perkataan “Ketua Jabatan”.

### **Pemotongan peraturan 35, 36 dan 37**

16. Peraturan 35, 36 dan 37 Peraturan-Peraturan ibu dipotong.

### **Pindaan Bahagian V**

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan tajuk “Prosedur Dalam Kes Jika Prosiding Jenayah Dimulakan Terhadap Pegawai Atau Perintah Tahanan, Buang Negeri, Dsb., Dikenakan ke Atas Pegawai” yang terdapat sebelum peraturan 38 dengan tajuk “Prosedur dalam Kes yang Prosiding Jenayah Dimulakan terhadap Pegawai atau Perintah Tahanan, Pengawasan, dsb., Dikenakan ke atas Pegawai”.

**Pindaan peraturan 42**

18. Peraturan 42 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) suatu perintah tahanan (selain perintah tahanan reman sementara menunggu perbicaraan atau bagi maksud penyiasatan), pengawasan atau deportasi telah dibuat terhadap seseorang pegawai; atau”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis, Ketua Bahagian” dengan perkataan “imigresen, perlindungan wanita dan gadis atau perlindungan kanak-kanak, Ketua Jabatan”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagian” dengan perkataan “Ketua Jabatan”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” yang terdapat selepas perkataan “pihak berkuasa tatatertib” dengan perkataan “boleh”; dan

(c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagian” dengan perkataan “Ketua Jabatan”.

**Pindaan peraturan 46**

19. Subperaturan 46(4) Peraturan-Peraturan ibu dipotong.

**Penggantian peraturan 47**

20. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 47 dengan peraturan yang berikut:

“Penurunan gaji 47. (1) Tiap-tiap hukuman penurunan gaji yang dijatuhkan ke atas pegawai hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) penurunan gaji itu tidak boleh melebihi tiga pergerakan gaji; dan

(b) tempoh hukuman yang dijatuhkan itu tidak boleh kurang daripada dua belas bulan tetapi tidak boleh melebihi tiga puluh enam bulan pada mana-mana satu masa.

(2) Tarikh pergerakan gaji seseorang pegawai yang dijatuhkan ke atasnya hukuman penurunan gaji hendaklah sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tatatertib.”.

**Pindaan peraturan 49**

21. Peraturan 49 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Buku Perkhidmatan” dengan perkataan “Rekod Perkhidmatan”.

**Pindaan peraturan 52**

22. Subperaturan 52(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “hendaklah menggantung” dengan perkataan “boleh menggantung”.

**Pindaan peraturan 54**

23. Peraturan 54 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “kebenaran bertulis daripada” perkataan “Pengerusi”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “kebenaran daripada pihak berkuasa tatatertib” dengan perkataan “kebenaran bertulis daripada Pengerusi pihak berkuasa tatatertib”.

**Penggantian peraturan 58**

24. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 58 dengan peraturan yang berikut:

“Penubuhan  
Lembaga  
Rayuan  
Tatatertib

58. (1) Maka dengan ini ditubuhkan Lembaga Rayuan Tatatertib yang terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Pengerusi Lembaga sebagai Pengerusi; dan
- (b) tiga ahli Lembaga lain yang bukan ahli pihak berkuasa tatatertib yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga.

(2) Sekiranya Pengerusi Lembaga tidak dapat mempengerusikan Lembaga Rayuan Tatatertib atas apa-apa sebab, dia boleh melantik mana-mana ahli Lembaga Rayuan Tatatertib lain untuk mempengerusikan Lembaga Rayuan Tatatertib.

(3) Jika tentang apa-apa persoalan yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga Rayuan Tata tertib terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.”.

**Pindaan peraturan 61**

25. Peraturan 61 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagiannya” dengan perkataan “Ketua Jabatannya”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagian” dengan perkataan “Ketua Jabatan”.

Dibuat 25 September 2017

[LTAT/TAD/1/57; KP/UNDG/502/12-e; PN(PU2)551/II]

LAKSAMANA TAN SRI DATO’ SRI MOHD ANWAR BIN HJ MOHD NOR  
(BERSARA)  
*Pengerusi*  
*Lembaga Tabung Angkatan Tentera*

Saya bersetuju,

DATO’ SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN  
*Menteri Pertahanan*

## TABUNG ANGKATAN TENTERA ACT 1973

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA OFFICERS (CONDUCT AND DISCIPLINE)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 22A of the Tabung Angkatan Tentera Act 1973 [*Act 101*], the Lembaga, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Lembaga Tabung Angkatan Tentera Officers (Conduct and Discipline) (Amendment) Regulations 2017**.

**Amendment of regulation 3**

2. The Lembaga Tabung Angkatan Tentera Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1996 [*P.U. (A) 352/1996*], which are referred to as “the principal Regulations” in these Regulations, is amended in regulation 3—

(a) by substituting for the definition of “Head of Division” the following definition:

‘ “Head of Department” means an officer charged with the responsibility for a Department;’

(b) in the definition of “Group A officer”, by substituting for the word “21” the word “27”;

(c) in the definition of “Group B officer”, by substituting for the word “19” the word “26”; and

(d) by substituting for the definition of “Chairman” the following definition:

‘ “Chairman of the Lembaga” means the Chairman of the Lembaga referred to in paragraph 4(3)(a) of the Act;’

**Amendment of regulation 4**

3. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for paragraphs (a) and (b) the following paragraphs:

“(a) for Group A officers—

- (i) the Deputy Chairman of the Lembaga as Chairman;
- (ii) two members of the Lembaga appointed by the Chairman of the Lembaga;
- (iii) the Chief Executive; and
- (iv) the Deputy Chief Executive who shall be the Secretary; and

(b) for Group B officers—

- (i) the Chief Executive as Chairman;
  - (ii) the Deputy Chief Executive; and
  - (iii) an officer of Grade 29 who shall be the Secretary.”;
- and

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) In the event that any person described in subparagraphs 4(1)(a)(iv), 4(1)(b)(ii) and (iii) is subject to disciplinary action, another officer more senior to him or any other member of the Lembaga shall be appointed by the Chairman of the

Lembaga to take place of that person subject to disciplinary action.”.

**New regulation 10A**

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 10 the following regulation:

“Sexual harassment 10A. (1) An officer shall not subject another person to sexual harassment, that is to say, an officer shall not—

(a) make any sexual advance to another person;

(b) make any request for sexual favours to another person; or

(c) do any act of sexual nature to another person, in circumstances in which a reasonable person, having regard to all the circumstances, would be offended, humiliated or intimidated.

(2) For the purpose of paragraph (1)(c), an “act of a sexual nature” means—

(a) an act of making of a statement of a sexual nature to, or in the presence of, that other person, whether the statement is made orally or in writing or in any other manner;

(b) an act which is done at any time or place; and

(c) an act which brings the Lembaga into disrepute or brings discredit to the Lembaga.”.

### **General amendment**

5. Regulations 14, 17, 19, 20, 27, 28, 39, 43, 55 and 56 are amended by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department” wherever appearing.

### **Amendment of regulation 16**

6. Regulation 16 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the words “Service Book” the words “Record of Service”;

(b) in subregulation (2), by substituting for the words “disciplinary authority” the words “Chief Executive”;

(c) in subregulation (3), by substituting for the words “disciplinary authority” the words “Chief Executive”;

(d) in subregulation (4)—

(i) by substituting for the words “disciplinary authority” the words “Chief Executive”;

(ii) by deleting paragraph (c); and

- (iii) in paragraph (d), by substituting for the words “disciplinary authority” the words “Chief Executive”;

(e) in subregulation (5)—

- (i) by substituting for the words “disciplinary authority” the words “Chief Executive”;
- (ii) by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department”; and
- (iii) by substituting for the words “Service Book” the words “Record of Service”; and

(f) in subregulation (6), by substituting for the definition of “child” the following definition:

‘ “child” means a child of an officer who is dependant on him, including—

- (a) a posthumous child, step-child and illegitimate child of the officer;
- (b) a child adopted by the officer under any written law relating to adoption or under any custom or usage, upon satisfactory evidence of that adoption; and
- (c) a child who is mentally retarded or physically incapacitated and is incapable of supporting himself;’.

**Amendment of regulation 18**

7. Subregulation 18(2) of the principal Regulations is amended in the national language text by substituting for the word “(3)” the word “(1)”.

**Amendment of regulation 23**

8. Regulation 23 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “of his private property” the words “other than for purposes of charity.”.

**Amendment of regulation 26**

9. Regulation 26 of the principal Regulations is amended—

(a) by deleting the word “and” at the end of paragraph (b);

(b) by substituting for the full stop at the end paragraph (c) the words “; and”; and

(c) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

“(d) any other publications approved in writing by the Chief Executive for the purposes of these Regulations.”.

**Amendment of regulation 27**

10. Subregulation 27(6) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department”.

**Deletion of regulation 29**

11. Regulation 29 of the principal Regulations is deleted.

**New Part IIIA**

12. The principal Regulations are amended by inserting before regulation 30 the following Part:

“PART IIIA  
ABSENT WITHOUT LEAVE

Absent without leave, without prior permission, *etc.*

29A. (1) An officer who is absent from duty without leave, without prior permission or without reasonable cause in the view of the Head of Department shall be liable to a disciplinary action.

(2) If an officer is absent from duty without leave, without prior permission or without reasonable cause in the view of the Head of Department, the Head of Department shall, as soon as reasonably practicable, report the absence to the disciplinary authority.

(3) The report on the absence referred to in subregulation (2) shall include the dates and circumstances of the absence and any other information in respect of such absence.

(4) The disciplinary authority shall, upon receipt of the report on the absence made by the Head of Department under subregulation (2), consider the report.

(5) The disciplinary authority may, after considering the report made under subregulation (2), institute disciplinary action against the officer.

(6) For the purpose of this Part, "absent", in relation to an officer, includes a failure to be present for any length of time at a time and place where the officer is required to be present for the performance of his duties.

Loss of salary and emoluments due to absence without leave,

29B. (1) If an officer is absent from duty without leave, without prior permission or without reasonable cause in the view

without prior permission *etc.* of the Head of Department, the officer shall not be entitled to any salary or emoluments for the period of his absence from duty.

(2) For the purpose of subregulation (1), a certification by the Head of Department certifying the period of which that officer is not entitled to salaries or emoluments under subregulation (1) to the disciplinary authority responsible for the payment of salaries and other emoluments of the officer is a sufficient authority to deduct the salaries or emoluments for a period of his absence from his duty.

Absent without leave, without prior permission, *etc.*, for seven consecutive days and cannot be traced 29C. (1) If an officer is absent from duty without leave, without prior permission or without reasonable cause in the view of the Head of Department, for seven consecutive days and cannot be traced, the Head of Department shall cause a letter to be delivered personally or sent by A.R. registered post to the officer at his last known address, directing the officer to immediately report for duty.

(2) If after the letter referred to in subregulation (1) is delivered—

(a) the officer reports for duty; or

(b) the officer fails to report for duty or he still cannot be traced,

the Head of Department shall submit a report to the disciplinary authority and the disciplinary authority shall institute disciplinary action against the officer.

(3) If the letter referred to in subregulation (1) cannot be delivered personally to the officer by reason of the fact that the officer is no longer residing at his last known address or if the A.R registered letter is returned undelivered, the Head of Department shall report the matter to the disciplinary authority.

(4) The disciplinary authority shall, upon receiving the report referred to in subregulation (3), take steps to publish a notice—

(a) of the fact that the officer has been absent from duty and cannot be traced; and

(b) requiring the officer to report for duty within seven days from the date of the publication of the notice.

(5) The notice referred to in subregulation (4) shall be published in at least one daily newspaper—

(a) having its publication in the national language; and

(b) having national circulation;

as determined by the disciplinary authority.

(6) If the officer reports for duty within seven days from the date of the publication of the notice referred to in subregulation (4), the Head of Department shall report the matter to the disciplinary authority and the disciplinary authority shall institute disciplinary action against the officer.

(7) If the officer fails to report for duty within seven days from the date of the publication of the notice referred to in subregulation (4), the Head of Department shall report the matter to the disciplinary authority and the officer shall be deemed to have been dismissed from the service with effect from the date the officer was absent from duty.

(8) The dismissal of an officer pursuant to subregulation (7) shall be published in the *Gazette*.

Forfeiture of emoluments due to absent without leave, without prior permission, etc., for seven consecutive days and cannot be traced

29D. (1) If an officer has been found guilty for being absent without leave, without prior permission or without reasonable cause in the view of the Head of Department for seven consecutive days and cannot be traced, he shall not be entitled to any emolument for the period of his absence and all such emoluments shall be deemed to have been forfeited notwithstanding that the disciplinary authority may not have ordered such forfeiture.

(2) An officer whose emoluments have been forfeited under subregulation (1) shall be notified in writing of the forfeiture.

(3) The forfeiture of emoluments pursuant to subregulation (1) is not a disciplinary punishment.”.

### **Amendment of regulation 31**

13. Regulation 31 of the principal Regulations is amended by substituting for paragraph (2)(d) the following paragraph:

“(d) where there has been made against the officer any order of detention, supervision or deportation, or where there has been imposed on such officer any form of restriction or supervision by

bond or otherwise, under any law relating to the security of the Federation or any part of the Federation, prevention of crime, preventive detention, immigration, or protection of women and girls.”.

**Amendment of regulation 33**

14. Regulation 33 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by deleting the words “not less than”; and

(b) in paragraph (2)(a), by substituting for the word “45” the word “44”.

**Amendment of regulation 34**

15. Regulation 34 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by deleting the words “not less than”; and

(b) in subregulation (5), by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department”.

**Deletion of regulations 35, 36 and 37**

16. Regulations 35, 36 and 37 of the principal Regulations are deleted.

**Amendment of Part V**

17. The principal Regulations are amended by substituting for the heading “Procedure In Cases Where Criminal Proceedings are Instituted Against an Officer Or An Order of Detention, Banishment, Etc., Is Imposed On An Officer” appearing before regulation 38 the heading “Procedure in Cases where Criminal Proceedings are Instituted Against an Officer or an Order of Detention, Supervision *Etc.*, is Imposed on an Officer”.

**Amendment of regulation 42**

18. Regulation 42 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) an order of detention (other than an order for remand pending trial or for purposes of investigation), supervision or deportation has been made against an officer; or”; and

(ii) by substituting for the words “restricted residence, banishment, immigration, or protection of women and girls, the Head of Division” the words “immigration, protection of women and girls or protection of children, the Head of Department”;

(b) in subregulation (2)—

(i) by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department”; and

(ii) by substituting for the word “shall” appearing after the words “disciplinary authority” the word “may”; and

(c) in subregulation (3), by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department”.

**Amendment of regulation 46**

19. Subregulation 46(4) of the principal Regulations is deleted.

**Substitution of regulation 47**

20. The principal Regulations is amended by substituting for regulation 47 the following regulation:

“Reduction of salary 47. (1) Every punishment of reduction of salary imposed on an officer shall be subject to the following conditions:

(a) the reduction of salary shall not exceed three salary movements; and

(b) the duration of the punishment imposed shall not be less than twelve months but shall not exceed thirty-six months on any one occasion.

(2) The date of salary movement of an officer upon whom the punishment of reduction of salary is imposed shall be as specified by the disciplinary authority.”.

**Amendment of regulation 49**

21. Regulation 49 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “Service Book” the words “Record of Service”.

**Amendment of regulation 52**

22. Subregulation 52(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “shall suspend” the words “may suspend”.

**Amendment of regulation 54**

23. Regulation 54 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by inserting after the words “written permission of the” the words “Chairman of the”; and
- (b) in subregulation (2), by substituting for the words “written permission of the disciplinary authority” the words “written permission of the Chairman of the disciplinary authority”.

**Substitution of regulation 58**

24. The principal Regulations is amended by substituting for regulation 58 the following regulation:

“Establishment  
of Disciplinary  
Appeal Board

58. (1) There is hereby established a Appeal Board comprising the following members:

(a) the Chairman of the Lembaga as Chairman; and

(b) three other members of the Lembaga who are not members of the disciplinary authority appointed by the Chairman of the Lembaga.

(2) If the Chairman of the Lembaga is unable for any reason to chair the Disciplinary Appeal Board, he may appoint any other members of the Disciplinary Appeal Board to chair the Disciplinary Appeal Board.

(3) If on any question to be determined by the Disciplinary Appeal Board there is an equality of votes, the Chairman of the Disciplinary Appeal Board shall have a casting vote in addition to his deliberative vote.”.

**Amendment of regulation 61**

25. Regulation 61 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department”; and
- (b) in subregulation (2), by substituting for the words “Head of Division” the words “Head of Department”.

Made 25 September 2017

[LTAT/TAD/1/57; KP/UNDG/502/12-e; PN(PU2)551/II]

LAKSAMANA TAN SRI DATO' SRI MOHD ANWAR BIN HJ MOHD NOR  
(RETIRED)  
*Chairman*  
*Lembaga Tabung Angkatan Tentera*

I agree,

DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN  
*Minister of Defence*